

Fadzil mahu PM perinci konsep di Parlimen

SH 1 OCT 2001

ALOR STAR, Anad - Dua pemimpin Pas tetap menganggap Malaysia bukan negara Islam kerana mendakwa tidak mengamalkan dasar Islam yang berterasaskan al-Quran dan hadis.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperincikan konsep negara Islam di Parlimen bagi mengelak kekeliruan rakyat.

"Ini kerana kenyataan Dr Mahathir, Malaysia negara Islam selari dengan ajaran agama sejak dulu bercanggah dengan pandangan rakyat bukan Islam yang menganggapnya sebagai sekular.

"Oleh itu, kita harap Perdana Menteri memberi kenyataan di Parlimen mengenai taraf negara Islam yang diakuinya menepati pendapat umum ulama.

"Di Parlimen, kita mahu tahu yang mana satu betul, negara Islam atau sekular yang diperincikan oleh alim ulama mereka (Umno) dan boleh berdebat," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau diminta mengulas

kenyataan Perdana Menteri semalam, Umno sebagai peneraju kerajaan menganggap Malaysia sudah memenuhi syarat untuk mengaku sebagai negara Islam dan selari dengan ajaran Islam.

Pengumuman sebagai menyahut cabaran Fadzil yang sebelum ini mahu Dr Mahathir mengumumkan Malaysia negara Islam.

Semalam Dr Mahathir juga mencabar Pas memperincikan bentuk negara Islam yang dicita-citakan.

Bagaimanapun, Fadzil enggan memberi sebarang komen terhadap cabaran Perdana Menteri itu.

Fadzil berkata, pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam tidak boleh diterima kerana ia tidak berlandaskan al-Quran dan hadis, sekali gus tidak menepati syarat Islam.

Sementara itu, di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, selagi sesebuah negara itu tidak mengamalkan dasar Islam yang berteraskan al-Quran dan hadis, selama itulah ia bukan negara Islam.

"Kalaulah Malaysia yang dasar pemerintahannya kebangsaan, kemudian dinamakan Islam, apa kata pemerintahan zaman Nabi sendiri dan sahabatnya dulu yang (mengamalkan) dasar al-Quran dan hadis... ketika itu kita nak bubuh nama negara apa? Bagi kami hak itu (yang mengamalkan dasar al-Quran dan hadis itulah negara Islam," katanya.

Katanya, sesiapa saja boleh mengatakan sesuatu mengikut kemahuan masing-masing. "Kalau tentu Malaysia negara sekular, tetapi kita kena tentu dulu, negara zaman Nabi itu negara apa? Takkan negara komunis.

"Takkan sama negara yang mengamalkan dasar Islam dengan tidak," katanya di pejabatnya, di Kota Darulnaim, petang ini.

Nik Abdul Aziz Nik juga meminta Umno mengemukakan isu pindaan Perlembagaan yang menyentuh kuasa Sultan yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Kelantan, ke mahkamah bagi menentukan kesahihannya.